

23/05/1999

Malam Puisi Putra meriah

Azman Mahmood; Manzaidi Mohd Amin

SUASANA gelap gelita. Yang ada hanya hembusan angin malam sambil sesekali diusik bunyi cengkerik bersahutan, tanda heningnya suasana alam ciptaan Tuhan. Tiba-tiba, ada suara asing bergema memecah kesunyian.

Diiringi gemersik petikan gitar, dia terus lantang dan penuh bersemangat mendeklamasikan sajak, sekali gus menimbulkan tanda tanya di kalangan kira-kira 1,500 hadirin di Pusat Ukhuwah, Tarbiah dan Riadah Rakyat (Putra), Kampung Chengal, Kadok, berhampiran Kota Bharu: milik siapakah suara itu?

Bagi menjawab persoalan itu, sinaran lampu dilimpah terus ke muka empunya suara, lantas mengundang tepukan gemuruh penonton.

Siapa lagi jika bukan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, yang tampak bersemangat berdiri di perkarangan pentas Putra Ros.

Sambutan penonton tidak sedikitpun mengalih tumpuannya dalam mendeklamasikan sajak nukilan bekas personaliti TV3, Ras Adiba Radzi, berjudul Warkah Buat Bapa.

Itulah kemuncak persembahan Malam Puisi Putra sempena sambutan ulang tahun kelahiran Umno ke-53 pada malam 10 Mei lalu bagi mengenang perjuangan anak watan, menghayati kemerdekaan tanah air dan memartabatkan agama, bangsa dan negara.

Sebagai wajah yang pernah beberapa kali tampil membaca puisi, cara dan gaya Annuar secara bersahaja malam itu berjaya memukau penonton, sekali gus menyaingi kehebatan beberapa penyair lain yang turut memperdengarkan bacaan puisi serta mendendangkan lagu puisi.

Annuar memilih Warkah Buat Bapa bagi diperdengarkan malam itu sebagai tanda sokongan rakyat sambil menghargai perjuangan pemimpin tertinggi negara yang banyak berkorban untuk bangsa dan negara.

Malah, sajak itu adalah reaksi Ras Adiba terhadap sajak Perjuangan Yang Belum Selesai ciptaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya:

Bapaku,

sunnguhpun aku tidak berkata-kata

tetapi tidak semestinya aku mengiakan segala

Aku, hanya warismu, anak didikmu, anak bangsamu yang adakalanya jadi tidak menentu, namun aku, adalah nafas bumi pijakku

yang berani mati untuk kebenaran

yang sanggup berkorban agar negaraku tidak digadaikan

Bapaku, sekiranya aku terjatuh, sambutlah aku sekiranya aku tersesat, jadilah jurumudiku dan sekiranya aku terlanjur, maafkan sahajalah aku

Memang resmi manusia

lupa untuk berterima kasih

lupa untuk mengenang jasa.

Sebaik Annuar selesai mendeklamasikannya, tepukan gemuruh diiringi laungan "Hidup Mahathir" memecah kesunyian malam sebagai hadiah dan tanda merestui perjuangan Umno dalam membela agama, bangsa dan negara.

Ras Adiba selaku pengacara terpaksa mengambil masa beberapa minit untuk pengumuman lantaran tepukan berpanjangan penonton. Lagu Umno - Bersatu Bersetia dan Berkhidmat - dimainkan dengan semua penonton berdiri menyanyikan lagu itu beramai-ramai.

Pada akhir majlis, Ras Adiba bersama kumpulan koir Kemas menyampaikan sajak Perjuangan Belum Selesai dalam bentuk deklamasi dan nyanyian.

"Malam Puisi Putra" berjaya mengumpulkan beberapa penyair, penyanyi lagu

puisi dan aktivis teater dari seluruh negara dan Singapura untuk berkampung di Putra.

Antara penyair yang hadir ialah Marsli NO (Pahang); Shukri Abdullah (Perlis); Moechtar Awang (Kelantan); Rahimidin Zahari (Kelantan); Salmiah Ismail (Kelantan); dan Ras Adiba (Kuala Lumpur).

Aktivis teater Marlia Musa (Johor Bahru) dan Sabri Yunus (Kelantan) turut kelihatan manakala penyanyi lagu puisi menyaksikan kehadiran Julfikar Ahmad Shah (Sabah); Sani Sudin (Selangor); Ramli Sarip dan M Nasir (Singapura).

Ramli mendendangkan lagu Bukan Kerana Nama dan Syair Timur manakala M Nasir menghiburkan hadirin dengan Sumpah Semerah Padi. Sani turut bersemangat menerusi lagu Isi Dan Kuku.

Marlia mendeklamasikan sajak bertajuk Siti Zubaidah dan Selamat Malam Sayang disampaikan secara monolog manakala Sabri mendendangkan dua lagu secara dikir barat.

Malam Puisi Putra wajar disifatkan mencatat sejarah tersendiri kerana diadakan dalam kampung di Kem Putra yang turut memberi peluang penduduk sekitar hadir dan mengenal lebih dekat penyair tanah air, sekali gus berjaya menanam semangat perpaduan antara satu sama lain.

"Alhamdulillah, majlis ini dapat diadakan dalam suasana damai dan penuh keinsafan.

"Perhimpunan seperti ini (pembacaan puisi) jarang dapat diadakan dan yang demikian, saya yakin pertemuan ini amat istimewa terutamanya di adakan dalam suasana perkampungan dan jauh dari kesibukan kota," kata Annuar.

(END)